

Dalami ilmu pemandulan kucing

SITI FATIHAH AWANG
4 DISEMBER 2017



Diantara kucing yang menyertai Cat Neutering Day 2017.

A- A+ (Ubah saiz teks)

KOTA BHARU - Bagi memberi kesedaran kepada orang ramai mengenai kepentingan pemandulan kucing, Universiti Malaysia Kelantan (UMK) melalui Fakulti Perubatan Veterinar (FPV) telah mengadakan Cat Neutering Day 2017, baru-baru ini.

Cat Neutering Day 2017 adalah hari di mana warga FPV yang terdiri daripada pelajar dan pensyarah bersama masyarakat dalam mendalami ilmu pemandulan, termasuklah mengadakan promosi diskaun besar-besaran dalam melakukan proses tersebut.

Pegawai Fakulti Perubatan Veterinar UMK, Dr Mimi Armila Diana Mohamad berkata, ia merupakan salah satu cara untuk mendidik pelajar-pelajarnya berurusan dengan masyarakat luar dalam pengendalian pemandulan kucing.



Pelajar veterinar

yang terdiri daripada pelbagai bangsa memberi lebih banyak pendedahan antara mereka untuk melaksanakan tugas yang diberikan.

“Mereka akan praktikkan apa yang mereka pelajari, melalui pembedahan dan sebagainya, termasuklah nilai-nilai keusahawanan yang kita tanamkan dalam diri pelajar itu. Malah ia juga merupakan khidmat masyarakat kita dalam membantu orang ramai menjaga dan mengawal populasi kucing mereka,” katanya.

Menurutnya, pemandulan kucing amat penting bagi memastikan populasi haiwan tersebut terkawal daripada berlakunya fenomena kucing terbiar sehingga menimbulkan pelbagai masalah lain kepada masyarakat terutamanya penyakit berjangkit.

Beliau berkata, malah kini dapat dilihat pelbagai isu melibatkan kucing terbiar sehingga berlakunya kejadian yang tidak diinginkan seperti menganiaya kucing-kucing tersebut yang berada di pasar mahupun kedai-kedai makan.



Pelajar FPV ini

diberikan tunjuk ajar daripada pensyarah berpengalaman dari segi penjagaan haiwan-haiwan yang dihantar ke klinik tersebut.

“Ia memberi gambaran tidak sihat kepada masyarakat, sedangkan populasinya boleh dikawal dengan proses pemandulan ini. Sebab itu kami ambil langkah untuk bantu sedarkan orang ramai dan bantu mereka untuk mandulkan kucing-kucing mereka.

“Banyak pandangan yang kita terima mengenai pemandulan ini apabila dikaitkan dengan agama dan sebagainya, sedangkan ia bukanlah susah sebagaimana yang kita bayangkan. Malah ada fatwa mengatakan proses pemandulan itu harus berlaku jika kucing tersebut boleh mendatangkan masalah kepada orang ramai, terutamanya dari segi penyakit berjangkit dan sebagainya,” katanya.

FPV kini mempunyai 200 pelajar dalam bidang veterinar dan bersedia memberikan perkhidmatan mereka daripada pelbagai segi terutamanya menyediakan rawatan pemandulan dan lain-lain lagi dengan harga yang berpatutan.

